

SULIT*

PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS
 PKPSMPI 910/2 PKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLIS STPM 2008 JPNPERLIS
 PKPSMPI PKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLIS PSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS
 PKPSMPI PKPSMPERLIJPNPERLISPKI BAHASA MALAYSIA PSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS
 PKPSMPERLIJPNPERLISPKI PSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS
 PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMPERLISJPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS
 PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLISJP, JPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS
 PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLISJP, KERTAS 2 JPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS
 PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLISJP, JPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS
 PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLISJP, JPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS
 PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPERLIS IS.IPNPFRI ISPKPSMPFRI IS.IPNPFRLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS
 PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPE LISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS
 PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPE LISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS
 PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPEKLISJPNPERLISPKPSMPEKLISJPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS
 PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPEKLISJPNPERLISPKPSMPEKLISJPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS
 PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPEKLISJPNPERLISPKPSMPEKLISJPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS
 PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPEKLISJPNPERLISPKPSMPEKLISJPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS
 PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPEKLISJPNPERLISPKPSMPEKLISJPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS
 PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPEKLISJPNPERLISPKPSMPEKLISJPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS
 PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPEKLISJPNPERLISPKPSMPEKLISJPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS
 PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPEKLISJPNPERLISPKPSMPEKLISJPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS
 PKPSMPERLIJPNPERLISPKPSMPEKLISJPNPERLISPKPSMPEKLISJPNPERLISPKPSMJPNPERLISPKPSMJPNPERLIS



**PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA
 SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA 2008**



**ANJURAN BERSAMA
 PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA
 SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA (CAWANGAN PERLIS)
 DAN JABATAN PELAJARAN PERLIS**

Arahan kepada calon:

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN
 BERBUAT DEMIKIAN.**

*Jawab **satu** soalan daripada Bahagian A, soalan dalam Bahagian B, **satu** soalan daripada Bahagian C, dan soalan dalam Bahagian D.*

Gunakan lembaran kertas yang berasingan untuk tiap-tiap jawapan.

Markah maksimum bagi tiap-tiap soalan diberikan dalam kurungan [].

Kertas soalan ini terdiri daripada 7 halaman bercetak.

© Persidangan Kebangsaan Pengetua Sekolah Menengah Perlis (PKPSM) & JPNP 2008

STPM 910/2

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

[Lihat sebelah]

SULIT*

SULIT***2****Bahagian A**

*Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 650 hingga 700 patah perkataan dengan berdasarkan **satu** daripada tajuk-tajuk di bawah ini.* [50]

1 Tunjuk perasaan atau demonstrasi sering berlaku di negara kita sejak akhir-akhir ini. Perkara ini dianggap oleh ramai pihak sebagai bukan jalan terbaik untuk menyelesaikan sesuatu masalah. Bincangkan kesan-kesan yang akan timbul akibat kejadian ini dan cadangkan langkah-langkah untuk mengelakkan kejadian ini daripada berterusan.

2 Ramai yang berpendapat bahawa kenaikan gaji dan pangkat ialah faktor terpenting untuk meningkatkan produktiviti atau kecemerlangan prestasi dalam kalangan pekerja. Ulaskan kenyataan ini.

3 Sebagai wakil menteri, anda dijemput untuk merasmikan pelancaran "Kempen Sekolah Penyayang" di peringkat negeri. Dalam ceramah tersebut, anda menekankan penyerapan amalan berbudi bahasa dalam kalangan pelajar di sekolah. Sediakan teks ceramah itu selengkapnya.

4 Sebagai anggota satu jawatankuasa penyelidikan untuk menyiasat beberapa kes keracunan makanan, anda diminta untuk menyediakan laporan tentang punca-punca keracunan makanan di negara ini dan cadangan-cadangan untuk mengatasinya. Sediakan laporan itu selengkapnya.

910/2

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT*

SULIT***3****Bahagian B**

5 Fahami petikan di bawah ini dan kemudian rumuskan petikan ini dengan padat dan ringkas tanpa menjejaskan isi kandungannya. Rumusan hendaklah dibuat dengan menggunakan tidak lebih daripada tiga perenggan dan panjangnya antara 180 hingga 190 patah perkataan. Jumlah perkataan dalam kurungan hendaklah ditulis pada akhir jawapan. [20]

Tidak dapat dinafikan bahawa suasana politik dalam negara stabil sambil kualiti hidup rakyat adalah tinggi berbanding dengan rakyat di kebanyakan negara lain. Kualiti hidup ini juga mewujudkan ruang yang luas untuk semua rakyat menimba ilmu dan kemahiran serta berbagai-bagai jenis peluang pekerjaan. Namun, Malaysia turut berhadapan dengan cabaran-cabaran yang jauh lebih hebat dan kompleks, iaitu perkembangan globalisasi yang tidak mudah dikawal kesan buruk baiknya. Hal ini diiringi pula oleh perubahan senario geo-politik negara-negara di seluruh dunia yang boleh membahayakan keamanan dunia keseluruhannya.

Keselamatan dan kemerdekaan negara kita boleh terancam dan tergugat akibat keadaan di dalam negara sendiri. Buat masa ini, negara kita berjaya mengekalkan keamanan, kemakmuran, dan suasana aman sehingga disanjung tinggi di persada dunia. Malaysia boleh terjerumus ke dalam kancang peperangan saudara atau rusuhan yang melampau sekiranya nilai perpaduan dalam kalangan rakyat tempatan semakin terhakis. Mereka yang terpinggir mempertikaikan bahawa pengagihan kekayaan ini tidak adil. Hal ini demikian kerana mereka beranggapan bahawa sebahagian besar daripada pengagihan kekayaan negara tertumpu kepada sesuatu kaum sahaja. Kesedaran mereka ini sebenarnya berlaku kerana majoritinya sudah berpelajaran tinggi dan mempunyai akses kepada ilmu pengetahuan yang meluas hasil daripada kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi semasa. Ketidakpuasan dan kemarahan mereka ini boleh mengancam kedudukan kerajaan dan keadaan keselamatan negara boleh menjadi kacau-bilau jika dibiarkan berleluasa.

Sebagai negara majmuk adalah amat perlu kita memperkukuh perpaduan dalam kalangan rakyat yang berbilang bangsa dan kaum. Bagi kerajaan, perkara ini bukanlah suatu tugas yang begitu mudah sekali. Sebarang penyebaran pendapat atau tindakan oleh mana-mana pihak yang boleh menimbulkan perasaan benci, marah atau takut dalam kalangan kaum yang lain tidak harus dibenarkan. Sehingga kini, kumpulan Hindraf yang diwakili oleh kaum India masih tidak berpuas hati dengan dasar kerajaan yang dianggap menindas mereka. Semangat bersatu padu dan keyakinan untuk memajukan negara dalam erti kata yang sebenarnya amat mustahak demi mempertahankan kemerdekaan yang sudah sedia wujud untuk sekian lamanya.

Usaha untuk mendekatkan jurang pendapatan antara rakyat mesti diteruskan oleh kerajaan. Kemarahan dan bantahan daripada pihak yang berpendapatan tersangat kecil sukar untuk diredakan atau ditangani apabila isu ini meletus. Bagaimanapun, masalah ini tidaklah terletak di atas bahu kerajaan sahaja. Penyelesaiannya perlu juga diusahakan oleh pihak yang berkenaan sendiri agar kehidupan mereka dapat dipertingkatkan. Perkara ini sebenarnya boleh dicapai melalui penguasaan yang luas dan mendalam dalam apa-apa sahaja ilmu dan kemahiran bersama dengan usaha yang berterusan tanpa mengenal kegagalan. Oleh sebab itu, untuk menyalahkan pihak kerajaan semata-mata merupakan sikap yang tidak bertanggungjawab dan seolah-olah cuba menutup kelemahan diri sendiri.

910/2

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT*

SULIT***4**

Tahap toleransi dalam kalangan rakyat yang tinggi amat penting dan wajar ditingkatkan lagi. Kepelbagaian bangsa, keturunan, budaya, dan agama dalam negara merupakan kekuatan kita. Kejayaan dan sanjungan terhadap peranan atau sumbangan sebahagian rakyat tempatan di merata-rata dunia ialah contoh yang terbaik hasil daripada keunikan kepelbagaian negara. Ramai yang tidak sedar bahawa kepelbagaian ini telah menghasilkan banyak pemikiran dan pendekatan unik lagi kreatif dalam memajukan negara, sama ada dalam bidang politik, ekonomi, dan sosial. Rakyat pelbagai kaum di negara kita memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing.

Demi mengekalkan keamanan dan kemakmuran negara, kemampuan dan prestasi institusi kerajaan perlu berterusan dan diperkemas sehingga institusi tersebut menjadi lebih berkesan lagi. Beberapa gejala sosial dan masalah ekonomi, termasuk soal keselamatan wujud kerana kegagalan dan kelemahan institusi-institusi ini. Sikap menyalahkan pihak lain sahaja tidak harus dijadikan budaya biarpun perkara itu benar sekalipun. Pembangunan kualiti modal insan dalam kalangan generasi muda diharapkan akan mencapai matlamatnya demi menjamin kemajuan dan kemerdekaan negara berterusan dan berkekalan.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada
Mingguan Malaysia, September 2007)

910/2

Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.*SULIT***

SULIT***5****Bahagian C**

6 *Alih bentuk bahasa petikan di bawah ini ke dalam bentuk prosa biasa dengan memindahkan bentuk dialog kepada bentuk cakap pindah.* [15]

“Syira! Syira! Syira!
Haikal! Haikal! Haikal!
Tetapi tiada jawapan. “Ke mana budak-budak ni?” Hati Ustazah Midah mula tidak sedap. Ke mana si Haikal dan Syira? Apakah Syira bawa Haikal ke kedai? Apakah Syira bawa Haikal ke rumah emaknya Cu Piah? Apakah Haikal telah.... dan Syira... Ah! kenapa yang pelik-pelik tergambar di mindanya...?
“Ya Allah, hindarkanlah anak-anakku daripada segala kecelakaan. Selamatkanlah mereka! Doa Ustazah Midah. Dia bergegas ke telefon.
“Apa? Haikal dan Syira tidak pergi ke sana? Tak apalah nanti Midah cari dulu. Midah tunggu abang Lajim balik. Mak janganlah risau...”
Ustazah Midah meletakkan gagang. Dia mengambil keputusan ke rumah Kiah pula.
“Saya nak tanya Kiah, nampak tak Haikal dan Syira?
“Eh! Tadi rasanya ada. Haikal tengah main-main dengan Amin tadi di depan.”
Kiah keluar ke halaman. Giliran dia pula yang gelisah.
“Ke mana pula ni. Baru tadi saya dengar suara Amin dengan Haikal tengah bermain-main. Saya tak kisah sangat. Saya di dapur,” terang Kiah.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada
Dewan Siswa, Disember 2000)

910/2

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT*

SULIT***6**7 *Alih bentuk bahasa petikan di bawah ini ke dalam bentuk bahasa prosa biasa.*

[15]

**PERISYTIHARAN JUALAN
DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI TERENGGANU
(SAMAN PEMULA NO: 22A(24)-110-2006)**

ANTARA

BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD PLAINTIF

DAN

RAMLI BIN MOKHTAR DEFENDAN
(No. K.P. 551117-11-5065)

Menurut Perintah Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Terengganu yang diperbuat pada 05 Disember 2007 adalah dengan ini diisytiharkan bahawa **Penolong Kanan Pendaftar**, Mahkamah Tinggi Malaya Kuala Terengganu di Terengganu dengan dibantu oleh Pelelong :

AKAN MENJUAL SECARA

LELONGAN AWAM

Pada 26 Mac 2008 bersamaan dengan hari RABU

Jam 10.00 pagi

DI BILIK LELONG MAHKAMAH TINGGI MALAYA

KUALA TERENGGANU, TERENGGANU

LOKASI DAN PERIHAL HARTANAH

(Seunit rumah teres setingkat yang beralamat No. PT1972, Taman Sri Telok, 22300 Kuala Besut, Terengganu)

Nombor hak milik hartanah ini GM 1639, Lot 3198, Mukim Kuala Besut, Daerah Besut. Terengganu. Keluasan lantai bangunan ialah 58 meter persegi (630 kaki persegi).

HARGA RIZAB

Hartanah tersebut akan dijual tertakluk kepada harga rizab sebanyak RM55,000.00. Bagi penawar-penawar yang berminat adalah dikehendaki mendeposit sebanyak 10% daripada harga rizab dalam bentuk bank draf di atas nama Bank Islam Malaysia Berhad sebelum jam 10.00 pagi pada hari lelongan awam. Untuk butir-butir lanjut, sila berhubung dengan Tetuan Wan Abd Mutalib & Co, No. 35, Taman Sri Intan, Jalan Sultan Omar, 20300 Kuala Terengganu, Terengganu. Tel. 09-622 2388.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada
Berita Minggu, 9 Mac 2008)

910/2

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT*

SULIT***7****Bahagian D**

8 *Kenal pasti kesalahan bahasa dalam petikan di bawah ini. Bagi setiap kesalahan, jelaskan sebab kesalahan dan kemudian buat pembedaan.* [15]

Hari ini sukar bagi kita menolak kehadiran tenaga pekerja asing. Tenaga mereka memang diperakui amat penting bagi negara. Apabila tidak membenarkan kemasukan mereka ini bermakna kerajaan tidak dapat membangunkan negara seperti yang dirancang. Pembangunan pada hari ini begitu pesat berbanding tahun-tahun sebelum ini disebabkan oleh kehadiran pekerja asing. Kita memerlukan pelaksanaan projek dengan cepat supaya negara kita semakin maju. Pelbagai kegiatan dan aktiviti pembangunan tidak dapat dilaksanakan jika setiap pengusaha atau majikan kekurangan pekerja. Untuk mengharapkan rakyat tempatan sendiri mengambilalih tugas pekerja asing ini bukanlah tugas yang mudah. Malangnya, banyak syarikat atau kilang di negara kita masih tidak mampu menarik perhatian rakyat tempatan untuk bekerja dengan mereka.

910/2

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

SULIT*